**Soalan-soalan Perumpamaan**
**Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.**

1 Kehidupan Benjamin yang ___________________ itu menyebakan dia selalu ponteng sekolah kerana menjaga adik di rumah.
A seperti gunting makan di hujung
B seperti embun di hujung rumput
C seperti rusa masuk kampung
D seperti rumput di tepi jalan

2 Anak-anak gadis Datuk Ali ________________kerana beliau terlalu mengongkong mereka.
A umpama burung di dalam sangkar, mata terlepas badan terkurung
B umpama memerah nyiur, santan diambil, hampas dibuang
C umpama pisau di tangan kanan, timun di tangan kiri
D umpama hendak menepung tidak berberas

3 Xin Tang sudah lali mendengar leteran dan kemarahannya ibunya kerana dia _______________
A seperti rusa masuk kampung
B seperti katak dicucuk hidung
C seperti langit dengan bumi
D seperti telinga kuali

4 Jia Chien _____________________, apabila mendengar setiap perbualan kami sedangkan pada masa itu dia sedang membaca buku.
A seperti mentimun dengan durian
B seperti pungguk rindukan bulan
C seperti lintah menghisap darah
D seperti telinga lintah

5 Wajah Yee Ting merah________________, apabila dipuji oleh Cikgu Tan di hadapan kelas.
A seperti ikan mendukung biawak hidup
B seperti kera mendapat bunga
C seperti udang direbus
D seperti telinga lintah

6 Justin dianggap seperti ________________, kerana sudah lama tidak menziarahi ibu bapanya setelah menjawat tinggi.
A seperti mentimun dengan durian
B seperti ulat lupa akan daun
C seperti langit dengan bumi
D seperti gergaji dua mata

LIVEWORKSHEETS

7 Walaupun Encik Ting berusaha mengubah sikap Ah Hock, anak angkatnya, namun Ah Hock __________________, yang mengikut perangai bapa kandungnya.
A umpama buah kepayang, dimakan mabuk dibuang sayang
B umpama ayam menetas anak itik, anaknya ke air juga
C umpama jari di tangan, ada bercincin ada tidak
D umpama hendak menepung tidak berbatas

8 Hidup Xiang Yun _________________kerana selalu mengikut suaminya berpindah kerana tugas.
A umpama kiambang di air, akarnya tidak jejak di bumi
B seperti burung gagak pulang ke benua
C bagai mencurah air ke daun keladi
D laksana kunyit dengan kapur

9 Walaupun Chee Siang tidak didenda kerana mencuri, namun dia berasa malu pada rakan sekelas __________________
A umpama ayam terlepas tangan bau tahi
B seperti gunting makan di hujung
C seperti lintah menghisap darah
D seperti rusa masuk kampung

10 Sejak dahulu lagi kehidupan kami sekeluarga tidak pernah senang ___________, namun kami tidak pernah menyesal dan berputus asa.
A umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul jua
B umpama kayu buruk dek panas, reput dek hujan
C umpama jari di tangan, ada bercincin ada tidak
D umpama hendak menepung tidak berberas

11 Bapa Justin kaya dan mampu memberi apa sahaja kemahuan anaknya, seperti peribahasa ____________________.
A banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam
B ada padi, semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras
C berani kerana benar, takut kerana salah
D berdikit-dikit lama-lama jadi bukit

12 Nasib pekerja di syarikat itu ______________________ apabila syarikat mengalami kerugian yang banyak tahun ini.
A seperti sayur dengan rumput
B seperti abu di atas tunggul
C seperti ular kena palu
D seperti timba buruk

LIVEWORKSHEETS

13 Tiada guna menyesali kesilapan yang telah berlaku, sebaliknya belajar supaya tidak mengulangi kesilapan yang sama lagi.
Perumpamaan yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah
A umpama nasi sudah menjadi bubur
B bagai bertepuk sebelah tangan
C laksana wau melawan angin
D malu bertanya sesat jalan

14 Walaupun tidak memahami perbualan meraka, Ivan tetap mahu menyampuk.
Sikapnya itu ________________________
A seperti tikus jatuh di beras
B seperti rusa kena tambat
C seperti tempayan bocor
D bagai buntal kembung

15 Persatuan Rukun Tetangga di kampung itu __________________apabila ketua persatuan itu meninggal dunia.
A seperti anak ayam kehilangan ibu
B seperti anai-anai makan kayu
C seperti gergaji dua mata
D bagai air dalam kolam

16 Walaupun Xin Tang dan Xin Ying adik-beradik kembar, tetapi mereka selalu bergaduh.
Perumpamaan yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah
A seperti cincin dengan permata
B seperti bulan dipagar bintang
C seperti anjing dengan kucing
D seperti aur ditarik songsang

17 Hati Xiang Yun __________________apabila mendengar kata-kata sindiran dari kakaknya.
A bagai dihiris dengan sembilu
B seperti bulan kesiangan hari
C seperti cacing kepanasan]
D seperti lipas kudung

19 Pembesar negara itu sering menghabiskan masanya melawat rakyat jelata.
Beliau amat prihatin dengan masalah rakyat.
Perumpamaan yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah
A umpama tidak tahu menari dikatakan langit tinggi rendah
B umpama ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya
C umpama seikat bagai sirih, serumpun bagai serai
D umpama tiada sakit makan ubat

LIVEWORKSHEETS

20 Encik Justin ____________________apabila dapat memperisterikan wanita yang sangat jelita.

A bagai gagak menggongong telur

B bagai kelip-kelip terbang malam

C bagai kacang melupakan kulit

D bagai kacang direbus

LIVEWORKSHEETS